



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
TOK BATIN AWANG BIN ALOK
DALAM BIDANG KEARIFAN TEMPATAN
MENGENAI LAGENDA TASIK CHINI**

**NUR SYAFIQAH BINTI SUHARI
(2021101691)**

**NUR SYAKIRAH BINTI HARON
(2021115133)**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT
SEMESTER MAC 2022 – OGOS 2022**

ISI KANDUNGAN

	Abstrak	i - ii
	Penghargaan	iii
	Senarai Abreviasi	iv
	Senarai Singkatan	v
	Rujukan Kata	vi – viii
1.0	Biodata Penemubual	
	1.1 Penembual Pertama	1
	1.2 Penemubual Kedua	2
2.0	Biodata Tokoh	
	2.1 Biodata Tokoh	3
	2.2 Pengenalan Kepada Tokoh	4
3.0	Sejarah Lisan	
	3.1 Pengenalan	5
	3.2 Objektif Sejarah Lisan	6
	3.3 Kepentingan Sejarah Lisan	6-7
4.0	Kajian Literatur	
	4.1 Kearifan Tempatan	8-9
	4.2 Tasik Chini	9-13
5.0	Transkrip Temubual Bersama Tokoh	14-67
6.0	Log Temubual	68-75
7.0	Ralat	76
8.0	Glosari	77-81
9.0	Indeks	82-83
10.0	Bibliografi	84-90
11.0	Lampiran	
	11.1 Biografi Tokoh	91
	11.2 Surat Perjanjian	92
	11.3 Senarai Soalan	93-96
	11.4 Diari Penyelidikan	97-102
	11.5 Gambar, Sijil-Sijil dan Bahan Lain yang Berkaitan	103-104

ABSTRAK

Transkrip ini mengetengahkan kisah lagenda mahsyur di Malaysia iaitu mengenai Lagenda Tasik Chini daripada perspektif Tok Batin Awang Bin Alok. Beliau merupakan seorang tokoh kearifan tempatan yang memberi sumbangan besar sebagai tonggak penyambung legasi Lagenda Tasik Chini sehingga ke hari ini. Namun begitu, masih wujud ramai golongan masyarakat yang tidak lagi mengambil endah akan kisah-kisah lagenda tempatan malahan sanggup memutar belitkan lagenda sedia ada. Justeru itu, transkrip ini merungkai beberapa kisah dan buah mulut masyarakat berkaitan dengan sejarah pembentukan Tasik Chini sejak zaman berzaman. Sejarah Kota Lama Empayar Khmer yang dikaitkan dengan Tasik Chini turut dirungkai kesahihannya melalui kaedah sejarah lisan yang dijalankan. Selain menyentuh mengenai sejarah pembentukannya, kajian ini turut membawa kepada penceritaan kisah-kisah lagenda, mitos dan mistik yang berlegar-legar dalam kalangan penduduk tempatan. Pengalaman dan kebenaran berkaitan dengan naga yang dikatakan wujud di tasik tersebut terungkap dalam perkongsian daripada Tok Batin Awang Bin Alok. Malahan, kisah-kisah misteri yang dialami penduduk tempatan juga turut diketengahkan dalam kajian ini. Kajian ini juga amat penting dalam menghurai dan mengkaji kepentingan dan keistimewaan Tasik Chini yang membawa kepada sisi gelap yang berlaku kepada tasik tersebut dalam tempoh tahun terdekat. Melalui kajian sejarah lisan ini diharapkan dapat membuka mata masyarakat berkaitan dengan Lagenda Tasik Chini dengan lebih meluas.

KATA KUNCI

Tasik Chini, Kota Lama Empayar Khmer, Tongkat, Naga, Buaya.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur kami ucapkan kepada Allah S.W.T kerana dengan berkat dan keizinanNya, kami akhirnya mampu menyiapkan tugasan subjek IMR 604 iaitu berkaitan *Oral Documentation* bagi sesi Mac 2022 sehingga Ogos 2022. Tugasan yang dijalankan kami adalah berkaitan dengan kearifan tempatan dan kami telah pun memilih topik berkaitan Lagenda Tasik Chini sebagai modus utama tugasan kami. Kami pasti, tugasan yang diamanatkan dan diberikan kepada kami ini mampu memberikan impak baik dan positif bukan sahaja kepada diri kami malahan kepada semua golongan dan lapisan masyarakat di luar sana yang masih menyayangi dan prihatin akan kepentingan kisah-kisah rakyat dan kearifan tempatan seperti terkenalnya kisah Lagenda Tasik Chini itu sendiri. Kami amat bersyukur walaupun terdapat kekangan masa dan penggunaan wang yang agak banyak untuk turun padang ke negeri Pahang, semua proses sebelum, semasa dan selepas kajian dapat berlalu dengan baik dan selamat.

Maka dengan itu, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi jutaan terima kasih terutamanya kepada pensyarah kami bagi subjek ini iaitu Puan Siti Noorsiah Binti Jamaludin yang tidak sesekali pernah berasa jemu dalam melayani karenah kami dan mencurahkan segala titisan ilmu yang beliau ada kepada kami. Ilmu, doa dan pengalaman yang beliau titipkan dalam mempersiapkan kajian ini tidak mampu kami balas dan cari ganti. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan sekalung penghargaan yang tidak terhingga kepada Tok Batin Awang Bin Alok kerana dengan kesudian beliau, kajian berkaitan Tasik Chini akhirnya mampu kami lunaskan dan segala keraguan dan desas desus berkaitan dengan Lagenda Tasik Chini dapat dirungkaikan dengan kesahihan melalui kaedah sejarah lisan yang dilaksanakan kami bersama-sama dengan beliau pada 19 Mei 2022 tempoh hari. Dalam proses kajian ini juga, kami ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam membantu kami sepanjang penyediaan kajian ini berlangsung termasuklah kepada Pusat Penyelidikan Tasik Chini (UKM), Puan Juliana Puling, Puan Nashita Dewi, Puan Ronisah, Puan Yasmin dan keluarga Tok Batin Awang Bin Alok di atas kesudian mereka dalam membantu kelancaran proses menemubual ini untuk diadakan.

Akhir kata, ucapan terima kasih dan penghargaan ini juga ditujukan khas buat ahli keluarga kami yang sentiasa menyokong, mendoakan dan memberikan nasihat kepada kami sepanjang kajian ini berlangsung. Terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan kami yang saling membantu dalam memahami dengan lebih lanjut mengenai tugasan ini. Maka itu, kami berharap hasil kajian ini membawa manfaat kepada generasi akan datang.

SENARAI ABREVIASI

JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
NGO	Pertubuhan Bukan Kerajaan